05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGLIBATAN MURID DALAM PROGRAM SATU MURID SATU SUKAN SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK

ROSNI BIN MANSOR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap dan faktor penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar, Perak. Kajian ini juga mengukur tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dan tahap kemahiran Guru Penasihat 1M 1S di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga mengesahkan secara empirikal perkaitan di antara kedua-dua tahap tersebut dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S. Seramai 201 orang guru dipilih sebagai responden dan instrumen soal selidik atas talian telah digunakan. Analisis statistik deskriptif dan ujian korelasi telah digunakan dan hasil dapatan menunjukkan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi pada peratusan kehadiran antara 80% hingga 100% dengan jumlah kekerapan sebanyak 116 iaitu 57.7%. Secara keseluruhan, tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah adalah sederhana dengan analisis data n = 201, M = 3.55, SD = 0.555. Bagi tahap kemahiran guru, secara keseluruhan adalah tinggi dengan analisis data n = 201, M = 4.51, SD = 0.641. Hasil ujian statistik korelasi *Pearson Product Moment* bagi menentukan hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar menunjukkan terdapat perkaitan positif sederhana yang signifikan, r = .248, n = 201, p < 0.000. Hubungan di antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar pula menunjukkan terdapat perkaitan positif sempurna yang signifikan, r = 1, n = 201, p < 0.000. Kesimpulannya, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti 1M 1S berada pada tahap tinggi. Tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta tahap kemahiran guru juga berada pada tahap tinggi dan kedua-duanya mempengaruhi penglibatan pelajar dalam 1M 1S. Implikasi kajian menunjukkan kepentingan peranan pentadbir dan guru untuk memastikan penglibatan murid secara optimum menerusi aktiviti 1M 1S.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE PUPIL'S PARTICIPATION IN ONE PUPIL ONE SPORT IN PRIMARY SCHOOL AT DISTRICT OF KUALA KANGSAR, PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study was to measure the level and factors that affecting the pupil's participation in One Pupil One Sport (1M 1S) for primary school co-curricular activities in district of Kuala Kangsar, Perak. The research also measured the level of sports equipment usability and the 1M 1S Teacher Advisor's skill. In addition, this study empirically verified the relationship between both levels with the pupil's participants in 1M 1S co-curricular activities. 201 teachers were selected as the respondents and the online survey instrument was used for data collection. Descriptive statistical analysis and correlation tests were carried out and the findings showed that the level of pupil's participation in 1M 1S co-curricular activities were in the highest level between 80% to 100% participant with a total of 116 frequencies 57.7%. Overall, the sports equipment usability level was moderate with data analysis n = 201, M = 3.55, SD = 0.555. As for the teacher's skill level, overall analysis of the data was high with n = 201, M = 4.51, SD = 0.641. The results of the Pearson Product Moment correlation statistic in determining the relationship between the level of sports equipment usability with the level of pupil's participation showed that there was a significant moderate positive correlation, r = .248, n = 201, p < 0.000. The relationship between the level of teacher's skill with the level of pupil's participation showed that there was a significant perfect positive correlation, r = 1, n = 201, p < 0.000. In conclusion, the level of pupil's participation in 1M 1S activities was signficantly high. Both level for sport equipment usability and teacher's skill were high and affecting the pupil's participation in 1M 1S. The implication of the study shows the importance role of administrators and teachers to ensure optimum pupil's involvement through 1M 1S activities.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		viii
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI RAJAH		**xii**
SENARAI SINGKATAN		**xiii**
SENARAI LAMPIRAN		xivi
BAB 1	**PENGENALAN**	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Persoalan Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Kajian 14

1.8.1 Kerangka Teori Kajian 14

1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian 15

1.9 Kepentingan Kajian 17

1.10 Batasan Kajian 18

1.11 Definisi Istilah 18

1.11.1 Kemahiran 19

1.11.2 Kebolehgunaan 19

1.11.3 Kemudahan dan Peralatan 20

1.11.4 Penglibatan Murid 20

1.12 Rumusan 21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 22

2.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan 23

2.2.1 Dasar Kurikulum Kebangsaan 23

2.2.2 Dasar Kokurikulum 25

2.3 Kokurikulum 27

2.3.1 Konsep Kokurikulum 29

2.3.2 Matlamat Kokurikulum 30

2.3.3 Objektif Kokurikulum 32

2.3.4 Peranan Kokurikulum 33

2.3.5 Kokurikulum 1M 1S 34

2.4 Teori Penglibatan Pelajar Astin 36

2.5 Model Multifaktor Kecederaan Dalam Sukan (*New MultifactorialModel of Athletic Injury Etiology*) 38

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6	Sistem Penilaian Tingkahlaku Jurulatih CBAS (*Coching Behavior Assessment System*)	39
2.7	Kajian Lepas	41
2.8	Rumusan	44
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**	
3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	47
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Kajian Rintis	49
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	50
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	52
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	54
3.9	Rumusan	58
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisa Demografi Sampel	60
4.3	Analisa Soalan Kajian	62
4.3.1	Persoalan Kajian 1: Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	62
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?	64
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	65
4.3.4	Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan	67

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

4.3.5 Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 68

4.4 Rumusan 69

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 70

5.2 Profil Demografik Sampel 71

5.3 Perbincangan Soalan Kajian 72

5.3.1 Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 72

5.3.2 Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah? 73

5.3.3 Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 74

5.3.4 Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 75

5.3.5 Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah? 76

5.4 Implikasi Dapatan Kajian 78

5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan 80

5.4 Penutup 81

RUJUKAN 82

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar 1M 1S (KPM, 2011)	8
1.2	Objektif, soalan dan hipotesis kajian	13
2.1	Garis Panduan Dalam CBAS	40
3.1	Justifikasi Skala Likert	49
3.2	Statistik Kebolehpercayaan Soal Selidik Berdasarkan Cronbach Alpha	50
3.3	Analisis Data	56
4.1	Analisis Data Demografik	61
4.2	Tahap Penglibatan Murid dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah	63
4.3	Kekerapan dan Peratusan Tahap penggunaan Penglibatan Murid dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah	63
4.4	Tahap Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah	64
4.5	Min setiap item dalam Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah	65
4.6	Tahap Kemahiran Guru	66
4.7	Min Setiap Item Tahap Kemahiran Guru	66
4.8	Kolerasi antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum di Sekolah	67
4.9	Kolerasi antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di Sekolah	68

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1.	Kerangka Teori	15
1.2.	Kerangka Konseptual	16
2.1.	Teori Penglibatan Pelajar Astin.	36
2.2.	Model Multifaktor Kecederaan dalam Sukan	38

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

1M 1S	Dasar 1 Murid 1 Sukan
CBAS	*Coaching Behaviour Assessment System*
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JERI	Jasmani, emosi dan intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PIPP	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Taburan Kokurikulum Sukan Dan Permainan Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) Mengikut Sekolah Di Daerah Kuala Kangsar

B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

C Instrumen Soal Selidik

D Statistik Kebolehpercayaan Mengikut Item Berdasarkan Cronbach Alpha

E Senarai Sekolah Yang Tidak Menjawab Soal Selidik

F E-mel kebenaran menggunakan Instrumen

G E-mel Kepada Sekolah

H Antara muka borang soal selidik menggunakan *Google Form*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.1 Pendahuluan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengubal satu sistem pendidikan di Malaysia bagi membangunkan modal insan secara holistik iaitu merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) selaras dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (KPM, 2013). Bagi mewujudkan sebuah sistem pendidikan yang seimbang, penekanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Kurikulum boleh didefinisikan sebagai aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam atau di luar bilik darjah atau dikenali juga sebagai mata pelajaran akedemik (Ab Alim Abdul Rahim, 2004). Manakala bagi kokurikulum pula boleh didefinisikan sebagai satu proses pendidikan terancang yang dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selepas waktu pengajaran dan pembelajaran formal di lokasi bebas seperti di dalam kelas seperti kebiasaan atau di luar kelas (Mok Soon Sang, 2011).

Bidang kokurikulum dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan penyampaian ilamu pengetahuan, penerangan konsep, menimba pengalaman dan mempelajari kemahiran merentasi kurikulum. Bidang ini merangkumi mata pelajaran pendidikan jasmani, seni visual, rekreasi, sains, teknologi maklumat dan komunikasi, sosial dan kemasyarakatan. Menyokong FPK, bidang ini dapat membina fizikal yang cergas, menguatkan mental, membantu mengawal emosi, memantapkan rohani dengan penerapan nilai-nilai murni berdasarkan agama. Proses menjana model insan ini perlu berterusan dan menyeluruh melibatkan kedua-dua bidang iaitu kurikulum dan kokurikulum (Tam Yeow Kwai, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Bidang kokurikulum adalah platform terbaik dalam merealisasikan FPK terutamanya dalam menjana pelajar yang seimbang jasmani, emosi, rohani, intelek (JERI) dan sosial yang seterusnya mampu melahirkan modal insan dengan kemahiran yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Kokurikulum adalah satu cabang pendidikan yang memberi pengalaman pembelajaran di pelbagai lokasi yang tidak terhad kepada bilik darjah sahaja, seperti unit beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan. Bidang kokurikulum ini boleh dijadikan pelengkap bagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha menyemai nilai-nilai murni dan melahirkan murid yang holistik dan berketrampilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang kokurikulum adalah satu proses pendidikan terancang yang dilaksanakan selepas waktu pegajaean dan pembelajaran formal di lokasi bebas seperti kebiasaan atau luar kelas.Kokurikulum dilihat dapat melahirkan pelajar yang seimbang seperti mana hasrat yang terkandung dalam FPK. Pelajar yang seimbang JERInya dapat membentuk satu masyarakat Malaysia yang harmonis. Untuk itu kokurikum adalah satu wadah paling berkesan untuk merialisasikan FPK terutama dalam menjada modal insan yang seimbang dari segi JERI yang seterusnya menyumbang kepada sumber modal insan kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi di Malaysia.

Hal ini ditegaskan lagi apabila YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia dalam teks ucapan pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Guru tahun 2015 yang menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai murni dalam kandungan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sukan dan kokurikulum. Antara nilai murni tersebut ialah sifat jujur, dipercayai, taat, berbudi, amanah, telus dan lain-lain lagi bagi melahirkan generasai yang berintegriti pada masa hadapan. Ini bersesuaian dengan tema hari guru pada tahun tersebut iaitu “Guru: Membina Ilmu dan Menyempurnakan Akhlak”.

Pada 17 Mac 2010, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah memutuskan bahawa Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) akan dilaksanakan mulai 2011 di semua sekolah KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Dasar 1M 1S telah mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan FPK yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi JERI. Dasar ini juga selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat dan hendaklah dimulakan di peringkat sekolah melalui dua strategi iaitu Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan.

Sukan Untuk Semua adalah satu dasar untuk mendidik setiap murid dalam membina kesihatan, sahsiah dan kesejahteraan. Manakala Sukan Untuk Kecemerlangan pula mensasarkan kepada prestasi murid yang berbakat dan berpotensi hendaklah terus dibangunkan di bawah Program Kecemerlangan Bakat Muda, Sukan Prestasi Tinggi Sekolah serta lain-lain sukan bergantung kepada pihak sekolah. Ternyata, penglibatan murid dalam bidang sukan adalah amat penting menyokong aspirasi Satu Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu. Dasar ini menyokong hasrat YAB Perdana Menteri dalam meningkatkan semangat perpaduan dalam Satu Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

KPM melalui Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 16, Tahun 2010, telah mengariskan rujukan kepada pihak pentadbir sekolah bagi mencapai matlamat dasar 1M 1S seperti tersebut:

i. Setiap murid termasuk berkeperluan khas yang sihat WAJIB menyertai sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.
ii. Pihak sekolah perlu mengurus dan merancang aktiviti sukan di sekolah secara sistematik bagi meningkatkan penyertaan dan membantu mengembang potensi setiap murid dalam sukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pihak sekolah perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran di sekolah atau kawasan persekitaran dengan menutamakan keselamatan murid.

iv. Pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah.

v. Pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun seperti yang disarankan dalam surat siaran bertarikh 14 Januari 2010.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program yang melibatkan kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, kebudayaan, sosial dan kepercayaan. Ia adalah penting bagi membantu perkembangan pelajar dengan optimum dari segi JERI dan untuk meningkatkan pengetahuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Perkembangan pelajar secara holistik juga ditekankan dalam sebelas anjakan untuk transformasi sistem melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) anjakan ketiga, iaitu dengan menguatkan keperluan penyertaan pelajar dalam satu sukan, satu kelab dan satu badan beruniform.

Penglibatan murid dalam menyertai kegiatan kokurikulum merupakan satu kepentingan dan satu kemastian di sekolah-sekolah KPM. Disamping menyahut aspirasi KPM dalam penghasilan modal insan yang holistik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) kegiatan sukan terbukti dapat menyumbang kebaikan kepada masyarakat (Frisby, 2005). Namun begitu, dalam kegiatan kokurikulum di sekolah,

Commented [MOU1]: i.Mengukur tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

ii.Mengenalpasti faktor yang menjadi motivasi bagi mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah

iii.Mengenalpasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.

iv.Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

v.Mengenalpasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

vi.Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat isu penglibatan murid yang merosot (Fadzli, 2012). Ia berpunca daripada beberapa faktor seperti guru yang tidak kompeten, kurangnya dorongan ibu bapa dan infrakstruktur sekolah yang tidak sempurna (Noor Azzam Syah Mohamed, 2016). Sokongan pihak pentadbir juga memainkan peranan yang besar dengan tidak mengetepikan kokurikulum demi mengejar kecemerlangan kurikulum semata-mata (Wahab, 2010).

Kebanyakkan pentadbir akan memilih kecemerlangan akedemik sebagai perkara utama bagi menempatkan sekolahnya di dalam senarai yang terbaik di dalam peperiksaan awam seperti UPSR, SPM dan STPM (Nor Hisham & Tajul Arifin, 2010). Menurut Nor Hisham & Tajul Arifin (2010), ini adalah kerana pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah mensasarkan pencapaian akedemik sebagai ukuran keberkesanan pengetua dan guru besar di sekolah. Malah, ada segelintir pentadbir beranggapan bahawa aktiviti kokurikulum terasing daripada mata pelajaran akademik bahkan merupakan program libur yang memalaikan dan menjatuhkan keputusan akedemik sekolah (Md Amin Md Taff, Azlizam Abdul Aziz, & Jaffry Zakaria, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi melihat kepatuhan pihak sekolah dalam menyokong dan melaksanakan dasar KPM seterusnya mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar, Perak. KPM telah mengeluarkan Buku Panduan Pelaksanaan 1M 1S bagi membantu pihak sekolah menyempurnakan dasar kerajaan. Sekolah-sekolah diberi keringanan untuk memilih dan mengubah suai kaedah pelaksanaan mengikut kesesuaian, kemampuan dan keperluan sekolah. Sekolah juga boleh mencari kaedah

Commented [MOU2]: Objektif 1: Mengukur tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lain sekiranya difikirkan sesuai yang selari dengan matlamat kokurikulum 1M 1S (KPM, 2011).

Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kemudahan seperti padang dan peralatan sukan, sekolah disyorkan berkongsi kemudahan dengan institusi lain. Sekolah juga boleh boleh menggunakan kreativiti menggunakan kawasan sekolah yang terhad dan mengaplikasikan alatan sedia ada. Namun, Menurut Mohd Fadzli (2012), terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S kurang memberangsangkan. Perkara tersebut ialah kekurangan kemudahan dan peralatan, kekurangan tenaga pakar dalam sukan dan yang terakhirnya iaitu penjadualan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Selain itu kekurangan kemudahan dan peralatan juga telah menganggu kelancaran aktiviti latihan yang akan dilaksanakan. Terdapat juga sekolah yang menghadapi masalah kemudahan tempat yang terhad untuk menjalankan aktiviti kokurikulum dalam satu-satu masa yang sama terutamanya sekolah yang mengamalkan pembelajaran dua sesi (Mok Soon Sang, 2011). Selain itu menurut Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi dan Rahmad Sukor Ab. Samad (2014), prasarana dan peralatan yang cukup amat penting kepada murid melakukan aktiviti bagi menjamin keselesaan dan mengelak kemalangan yang tidak diingini berlaku seperti kecederaan yang dialami oleh murid akibat penggunaan alatan yang rosak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar 1M 1S (KPM, 2011)

Bil	Kaedah Pelaksanaan	Sekolah Satu Sesi	Sekolah Dua Sesi	Sekolah Kurang Kemudahan Asas Sukan	Sekolah Ramai Murid	Sekolah Kurang Murid
1.	Dilaksanakan petang diluar waktu akademik	/	/	/	/	/
2.	Dilaksanakan pagi diluar waktu akademik		/	/	/	
3.	Berkongsi kemudahan sukan di luar sekolah dengan pihak selain sekolah	/	/	/	/	/
4.	Pilih sukan yang tidak memerlukan ruang yang luas		/	/	/	
5.	Merangka jadual program sukan berdasarkan - Bilangan Murid - Bilangan Guru - Kemudahan dan prasarana - Kerjasama dengan pihak luar	/	/	/	/	/
6.	Mewujudkan permuafakatan dan perkongsian pintar dengan persatuan dan agensi sukan	/	/	/	/	/
7.	Dilaksanakan pada Sabtu bagi kumpulan murid dan guru secara bergilir		/	/	/	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah sehingga ia boleh menghalang kreativiti guru-guru dalam menjalankan program 1M 1S seperti garis panduan yang telah disediakan. Kajian ini turut dijalankan bagi mengesan apakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan ini dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah yang menjurus kepada kemerosotannya.

Commented [MOU3]: Objektif 3: Mengenalpasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.

Commented [MOU4]: Objektif 4: Mengesan hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

Guru sekolah sememangnya telah mendapat latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) mahupun universiti dan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam bidang pedagogi dan kurikulum mata pelajaran. Namun penguasan dalam kemahiran dalam bidang-bidang kegiatan kokurikulum masih di tahap yang rendah (Mok Soon Sang, 2011). Ini disebabkan oleh kebanyakan guru penasihat kokurikulum kurang mahir akibat kurang pendedahan yang mereka perolehi dalam pengurusan aktiviti kokurikulum (Mok Soon Sang, 2011). Ahmad (2006) dalam Pui Tze Yang (2010) menjelaskan bahawa faktor ini didorong oleh pengkhususan dan pembelajaran semasa mengikuti kursus ikhtisas pendidikan guru lebih berfokus kepada metodologi dan pedagogi pengajaran subjek akedemik.

Seterusnya apabila guru-guru tersebut ditugaskan di sekolah, mereka juga tidak akan mendapat latihan dalam bidang kokurikulum yang secukupnya (Singh & Surujlal, 2010). Peruntukan tahunan yang diterima oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BBK), KPM yang kurang dan tidak menentu pada setiap tahun juga menjejaskan peruntukan bagi menjalankan kursus untuk memberi latihan kepada guru-guru kokurikulum bagi mengatasi masalah tersebut (Utusan Malaysia, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekurangan ilmu pengetahuan dalam kalangan guru-guru terhadap aspek kegiatan kokurikulum telah menyebabkan kegagalan dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum seterusnya boleh mengundang risiko kecederaan dalam sukan (Mustaffa, 2015). Guru yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum hanya menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh pihak pentadbiran (Mohamad Najib & Jamaliah, 2011). Hasil kajian mereka mendapati kemahiran membimbing, melaksana dan membuat penilaian dan komitmen guru berada di tahap yang lemah. Lanjutan daripada itu terdapat sesetengah guru penasihat kokurikulum yang mempunyai masalah etika dalam menjalankan aktiviti kokurikulum seperti ponteng kelas, terutamanya jurulatih dari luar sekolah (Mok Soon Sang, 2011).

Justeru, berdasarkan permasalahan yang dinyatakan, maka perlu dilakukan kajian untuk mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Keperluan yang serius dalam melihat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah juga kritikal dalam usaha meningkatkan bilangan kehadiran murid khasnya dan meningkatkan mutu sukan Negara pada masa akan datang amnya.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengukur tahap dan faktor penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Kajian ini juga mengukur tahap kebolehgunaan peralatan sukan dan tahap kemahiran guru di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga berusaha untuk mengesahkan secara empirikal perkaitan di antara tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat lima objektif kajian ini, iaitu:

i. Mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

ii. Mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.

iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

iv. Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

v. Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

i. Apakah tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

ii. Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?

iii. Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

iv. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

v. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Objektif, Soalan dan Hipotesis Kajian

Objektif kajian	Soalan Kajian	Hipotesis
i. Mengukur tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	i. Apakah tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Tiada
ii. Mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.	ii. Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?	Tiada
iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	iii. Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Tiada
iv. Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	iv. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho^1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.
v. Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	v. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho^2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat dua hipotesis nul di dalam kajian ini seperti berikut:

Ho[1]: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

Ho[2]: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

1.8 Kerangka Kajian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.8.1 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori berikut memberikan gambaran tentang hubungan teori-teori yang digunakan sebagai landasan peyelidikan yang dilakukan. Penerangan setiap teori yang terlibat akan dihurai dengan lebih lanjut di dalam Bab 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Teori


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual memainkan peranan penting dalam menggambarkan permasalahan dan hubungan kompleks diantara pembolehubah yang dapat juga digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini sebagai panduan (Bordage, 2009). Dalam kajian ini, pembolehubah utama ialah penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S sebagai pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar ini dikaitkan dengan pembolehubah bebas yang merangkumi dua faktor utama iaitu kemudahan dan peralatan serta kemahiran tenaga pengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Pembolehubah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu pembolehubah bersandar (DV) dan pembolehubah tidak bersandar (IV) seperti berikut:

i. Pembolehubah bersandar (DV)

Pembolehubah bersandar dalam kajian yang dijalankan ini ialah tahap penglibatan murid dalam kegiatan 1M 1S di sekolah

ii. Pembolehubah tak bersandar (IV)

Terdapat dua pembolehubah tak bersandar dalam kajian ini iaitu:

i. Tahap kemahiran guru.

ii. Tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Sekolah merupakan satu institusi bagi menghasilkan insan yang seimbang dan bekeperibadian yang unggul. Hasil kajian ini penting untuk dijadikan panduan kepada pelbagai pihak khususnya pengurusan kokurikulum di sekolah iaitu Guru Besar, Penolong Kanan Kokurikulum, Setiausaha Sukan dan guru-guru penasihat sukan supaya dapat memperbaiki dan mengekal corak pengurusan sukan yang lebih bersistematik dan berkesan. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap sekolah seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan daerah (PPD) dalam menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan Dasar 1M 1S.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Seterusnya, segala masalah yang dikenal pasti diharap dapat membantu pihak pengurusan sekolah mencari tindakan yang efektif untuk meningkatakan tahap penglibatan murid dalam kegiatan 1M 1S. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi panduan dan cadangan kepada pihak pengurusan sekolah yang dibuat kajian mengenai isu ini dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan kegiatan kokurikum di sekolah. Segala masalah yang dikenalpasti dalam kajian seperti kemudahan dan peralatan serta kemahiran tenaga pengajar yang terdapat di sekolah dapat ditangani dengan segera oleh pihak pengurusan sekolah bagi memastikan pelaksanaan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah berjalan dengan sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru penasihat kokurikulum bagi program 1M 1S di sekolah rendah. Daerah yang dipilih untuk dijalankan kajian ialah Daerah Kuala Kangsar yang terletak di Negeri Perak. Di Daerah Kuala Kangsar ini terdapat 89 buah sekolah rendah yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jemis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sekolah-sekolah rendah tersebut terbagai kepada tiga kategori iaitu sekolah bandar, luar bandar dan pedalaman. Bilangan populasi yang terlibat seramai 417 orang guru penasihat 1M 1S mengikut sekolah masing-masing. Hanya seramai 201 orang sampel yang dipilih berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.11 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah penting yang sering digunakan dalam kajian ini. Istilah tersebut perlu dijelaskan maknanya supaya maksud penyelidikan ini berjaya disampaikan. Bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan, yang berikut ini dijelaskan definisi operasi dan istilah penting yang terdapat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.1 Kemahiran

Kemahiran merujuk kepada Kamus Dewan (2010), bermaksud kecekapan dan kepandaian melakuakan sesuatu. Selain itu, kemahiran merupakan strategi, kecekapan dan kepandaian yang digunakan oleh guru bagi membantu murid mencapai objektif pembelajaran (Mawer, 2014). Kemahiran dalam penyelidikan ini merujuk kepada kebolehan, kecekapan dan kepandaian tenaga pengajar iaitu guru yang melaksanakan 1M 1S dalam aspek merancang, mengurus, melaksana strategi dan kaedah yang sesuai dan menilai pencapaian murid di sekolah. Keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum 1M 1S bergantung kepada pengalaman dan kebolehan guru dalam menjayakan kegiatan tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.11.2 Kebolehgunaan

Kebolehgunaan merujuk kepada Kamus Dewan (2010), bermaksud ukuran mutu sesuatu perisian dari segi reka bentuk dan kepatuhan spesifikasi reka bentuk yang dikehendaki. Kebolehgunaan juga bermaksud ukuran mutu sesuatu perisian atau produk dari segi reka bentuk dan kepatuhan spesifikasi reka bentuk yang dikehendaki (Harvey & Stanton, 2016). Dalam penyelidikan, terma kebolehgunaan merujuk kepada sejauh mana kemudahan dan peralatan sukan sekolah boleh digunakan dengan keberkesanan, kecekapan dan kepuasan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Kemudahan dan Peralatan

Kemudahan merujuk kepada Kamus Dewan (2010), bermaksud sesuatu yang disediakan untuk faedah orang ramai, pekerja dan sebagainya. Peralatan merujuk kepada Kamus Dewan (2010), bermaksud berbagai-bagai jenis alat. Kemudahan dan peralatan dalam penyelidikan ini merujuk kepada kemudahan sukan, iaitu terdiri daripada bangunan atau persekitaran yang digunakan untuk menjalankan aktiviti yang berorientasikan sukan. Ini termasuklah:

1. Lokasi fizikal
2. Perabot dan peralatan
3. Penyelengaraan dan pengubahsuaian
4. Kesihatan, keselamatan dan kepatuhan kepada peraturan
5. Perkhimatan-perkhidmatan tambahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.11.4 Penglibatan Murid

Penglibatan merujuk kepada Kamus Dewan (2010), bermaksud perihal melibatkan diri dalam sesuatu hal. Selain itu, penglibatan merupakan perihal kehadiran bermakna dalam sesuatu hal (Parish, 2017). Penglibatan dalam penyelidikan ini merujuk kepada penyertaan atau kehadiran murid dalam kegiatan 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Rumusan

Kajian ini dilakukan untuk melihat Dasar 1M 1S yang telah dilaksanakan di semua sekolah dari segi kekangan-kekangan pegurusan kokurikulum seperti kemudahan dan peralatan serta kemahiran tenaga pengajar yang menjadi faktor motivasi penglibatan murid. Kesemua itu akan menentukan tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Perbincangan lanjut mengenai ketiga-tiga aspek ini akan dilakukan dalam bab 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tentang kajian literatur iaitu kajian teoretikal dan empirikal berkaitan dengan bidang kajian semasa pengurusan kokurikulum. Perbincangan dalam bab ini merangkumi penerangan dasar dan kokurikulum, teori pengurusan serta kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian iaitu pengurusan kokurikulum, penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

Kurikulum Kebangsaan merupakan program pendidikan di Malaysia yang melibatkan dua bidang yang utama iaitu kurikulum dan kegiatan kokurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Kedua-dua bidang melibatkan aspek kemahiran, kandungan pengetahuan, unsur kebudayaan dan kepercayaan serta nilai-nilai yang dituntut. Dasar ini bertujuan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan seimbang dari segi JERI serta memupuk nilai moral yang diingini untuk menyampaikan pengetahuan. Ini seriring dengan kehendak FPK iaitu:

> Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013, p.2-3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

2.2.1 Dasar Kurikulum Kebangsaan

KPM (2012) telah menggariskan sebuah sistem pendidikan merangkumi kurikulum dan kokurikulum yang melibatkan kandungan ilmu pengetahuan akedemik, nilai dan normal, kebudayaan dan kepercayaan. Kombinasi ini menyumbang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden menjawab secara terus atas talian dan jawapan dihantar semula terus kepada penyelidik bagi tujuan analisis data. Kebaikan menggunakan kaedah ini ialah pengkaji dapat mempelajari kaedah baru dalam mengumpul data manakala responden pula dapat menjimatkan masa dengan menjawabnya lebih cepat. Data yang diperolehi juga lebih baik apabila kerosakan borang dapat dielakkan kerana responden wajib mengisi kesemua ruangan yang disertakan sebelum dapat menekan butang hantar. Pautan soal selidik ditutup pada suatu tarikh yang ditetapkan. E-mail susulan telah dihantar bagi mengucapkan terima kasih kepada semua sekolah yang telah mengambil bahagian.

Kesemua data yang telah diperolehi lebih mudah dianalisis serta pemantauan guru yang belum menghantar borang lebih mudah dibuat berdasarkan senarai e-mel semua responden yang mewakili sekolah masing-masing. Selain itu menurut Mohd. Najib Abd Ghaffar (1999), penyelidik akan memperolehi data yang tepat akibat daripada responden yang telus dalam menjawab soal selidik. Ini kerana responden tidak perlu meletakkan nama sebenar mereka dan data yang agak sulit akan dirahsiakan oleh penyelidik. Ini bertepatan dengan etika pengkaji untuk menjaga kerahsian maklumat yang diberikan oleh responden dan segala maklumat tidak akan didedahkan sehingga boleh menggugat keselamatan ataupun maruahnya (Sabitha Marican, 2005). Maklumat yang diberikan oleh responden hanyalah untuk tujuan kajian semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Penganalisisan Data

Setelah soal selidik diedarkan kepada responden, soal selidik untuk dianalisis perlu ditukar dalam bentuk angka dengan diberi kod (pengkodan) untuk memudahkan analisis secara kuantitatif. Soalan negatif telah diambil perhatian bagi memastikan data yang jitu dimasukkan. Untuk tujuan menganalisis data, perisian IBM SPSS statistik 20 digunakan. Prosedur penganalisisan data dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

i. Analisis Deskriptif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun

Analisis secara deskriptif melalui pengaturcaraan SPSS digunakan untuk mengira dan menterjemahkan data secara deskriptif. Dapatan ini membolehkan penyelidik menggambarkan secara kekerapan dan peratusan pembolehubah demografi yang ada iaitu jantina, umur, kelulusan, tempoh berkhidmat, lokasi sekolah, kursus sukan yang pernah diikuti oleh responden dan peranan dalam jawatankuasa sukan sekolah. Selain itu analisis deskriptif juga telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga dengan menggunakan petunjuk peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Analisis Statistik Inferensi

Statistik inferensi digunakan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah yang terdapat dalam kajian. Beberapa jenis statistik inferensi telah digunakan oleh pengkaji.

Untuk menjawab persoalan kajian keempat dan kelima, ujian korelasi telah digunakan antara pembolehubah-pembolehubah sama ada kemudahan dan peralatan serta kemahiran guru mempunyai perhubungan yang signifikan atau tidak dengan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Bagi menjawab hipotesis kajian, aras signifikan 0.05 digunakan untuk menerima atau menolak hipotesis yang dibina. Bagi tujuan ini, penyelidik menggunakan jenis ujian korelasi *Pearson*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

i. Ho^1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah, ujian Korelasi *Pearson* digunakan.

ii. Ho^2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah, ujian Korelasi *Pearson* digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Analisis Data

Objektif kajian	Soalan Kajian	Hipotesis Kajian	Analisis Data
i. Mengukur tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	i. Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?		Analisis statistik deskriptif: Min, sisihan piawai, peratus
ii. Mengenal pasti tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah.	ii. Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?		Analisis statistik deskriptif: Min, sisihan piawai, peratus
iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	iii. Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?		Analisis statistik deskriptif: Min, sisihan piawai, peratus

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(sambungan)*

Analisis Data

iv.	Mengukur hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	iv.	Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho^1:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	Analisis statistik Inferensi: Ujian Korelasi *Pearson*
v.	Mengukur hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	v.	Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?	Ho^2:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.	Analisis statistik Inferensi: Ujian Korelasi *Pearson*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Bab ini menerangkan rekabentuk kajian, populasi dan sampel, pembolehubah, instrumen, tatacara pemerolehan data, kaedah statistikal deskriptif dan statistikal inferensi untuk menganalisis data secara terperinci. Kaedah dalam mengumpul data secara atas talian dilakukan sejajar dengan objektif kajian dan bagi memudahkan pengkaji dan responden. Bab 4 seterusnya akan menerangkan analisis data yang telah dikumpulkan bagi menjawab kesemua persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini menerangkan tentang analisis data dan keputusan kajian yang diperoleh di mana ia dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menerangkan dengan lebih lanjut mengenai sampel kajian. Bahagian kedua pula menunjukkan keputusan kajian bagi setiap soalan kajian. Bahagian terakhir menerangkan rumusan keseluruhan bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisa Demografi Sampel

Responden dihubungi melalui e-mel rasmi sekolah masing-masing (kodsekolah@1bestarinet.yes.my). E-mel tersebut dihantar ke semua 89 buah sekolah di Daerah Kuala Kangsar meminta kesemua guru penyelaras 1M 1S sekolah melengkapkan borang soal selidik atas talian melalui pautan yang disertakan (rujuk Lampiran G). Pautan soal selidik ditutup pada tarikh yang ditetapkan. E-mel susulan telah dihantar bagi mengucapkan terima kasih kepada sekolah yang mengambil bahagian.

Analisis jantina mendapati jumlah yang tidak seimbang diantara guru lelaki dan guru perempuan. Responden yang terlibat terdiri daripada 86 orang guru lelaki (42.8%) dan 115 orang guru perempuan (57.2%). Guru yang berada dalam lingkungan umur 36 hingga 40 tahun menunjukkan penglibatan tertinggi iaitu seramai 84 orang (41.8%). diikuti dengan umur kurang dari 35 tahun iaitu seramai 59 orang (29.3%), Bilangan guru yang berumur dalam lingkungan 41 hingga 45 tahun adalah seramai 46 orang (22.9%), manakala bilangan umur dalam lingkungan 46 hingga 50 menunjukkan bacaan seramai 11 orang (5.5%). Hanya seorang guru yang berumur dalam lingkungan 51 tahun dan ke atas (0.5%).

Dari aspek kelulusan tertinggi guru pula, pemegang ijazah sarjana muda menunjukkan bilangan tertinggi iaitu seramai 141 orang (70%); diikuti dengan pemegang ijazah sarjana iaitu seramai 29 orang (14.5%); 17 orang (8.5%) memiliki diploma pendidikan dan 14 orang guru (7%) memiliki sijil pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh perkhidmatan sebagai guru dalam lingkungan 11 hingga 15 tahun mencatatkan bacaan tertinggi iaitu seramai 78 orang (38.8%), diikuti dengan lingkungan umur 6 hingga 10 tahun seramai 50 orang (24.9%), 16 hingga 20 tahun seramai 34 orang (16.9%), perkhidmatan bawah lima tahun seramai 27 orang (13.4%) dan yang berkhidmat lebih daripada 20 tahun seramai 12 orang (6%). Lokasi sekolah pula melibatkan 112 buah sekolah kawasan bandar (55.7%) dan 89 buah sekolah luar bandar (44.3%).

Analisis demografik yang terakhir ialah pengalaman dalam mengikuti kursus sukan dan penglibatan dalam jawatankuasa sukan sekolah. Seramai 61 guru (70%) pernah mengikuti kursus sukan, manakala seramai 140 guru (30%) tidak pernah mengikuti kursus sukan. Seramai 144 (71.6%) orang guru terlibat dalam jawatankuasa sukan sekolah, manakala selebihnya 57 orang (28.4%) tidak terlibat dalam jawatankuasa sukan sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Jadual 4.1

Analisis Data Demografik

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	85	42.2
	Perempuan	116	57.7
	Jumlah	201	100.0
Umur	Kurang 35 tahun	59	29.3
	36 – 40 tahun	84	41.8
	41 – 45 tahun	46	22.9
	46 – 50 tahun	11	5.5
	51 tahun ke atas	1	0.5
	Jumlah	201	100.0
Kelulusan	Sijil	14	7
	Diploma	17	8.5
	Ijazah Sarjana muda	141	70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Ijazah Sarjana	29	14.5
	Jumlah	201	100
Tempoh Perkhidmatan	Kurang 5 tahun	27	13.4
	6 – 10 tahun	50	24.9
	11 – 15 tahun	78	38.8
	16 – 20 tahun	34	16.9
	Lebih 20 tahun	12	6.0
	Jumlah	201	100
Lokasi	Bandar	112	55.7
	Luar Bandar	89	44.3
	Jumlah	201	100
Pengalaman dalam mengikuti kursus sukan	Ya		
	Tidak		
	Jumlah	201	100
Penglibatan dalam jawatankuasa sukan	Ya		
	Tidak		
	Jumlah	201	100

4.3 Analisa Soalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Berikut ialah analisis data terhadap kelima-lima soalan kajian yang telah dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS versi 20.

4.3.1 Persoalan Kajian 1: Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Soalan kajian yang pertama ini dijawab menggunakan statistik deskriptif. Berikut adalah hasil analisa; N = 201, M = 4.51, SD = 0.641. Secara keseluruhan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S adalah tinggi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Tahap Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah

Peratus Kehadiran		
N	Valid	201
	Missing	0
Mean		4.51
Std. Deviation		.641

Analisis mendapati tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi pada peratusan kehadiran antara 80% hingga 100% dengan jumlah kekerapan sebanyak 116 iaitu 57.7%. Analisis ini dapat dilihat dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Jadual 4.3

Kekerapan dan Peratusan Tahap penggunaan Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan 1M 1S di Sekolah

Peratus Kehadiran					
		Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratus Kumulatif
Valid	20% - 39%	2	1.0	1.0	1.0
	40% - 59%	10	5.0	5.0	6.0
	60% - 79%	73	36.3	36.3	42.3
	80% - 100%	**116**	**57.7**	**57.7**	**100.0**
	Total	201	100.0	100.0	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?

Soalan kajian yang ke dua dijawab menggunakan statistik deskriptif. Berikut adalah hasil analisa; N = 201, M = 3.55, SD = 0.555. Secara keseluruhan tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah adalah tinggi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4

Tahap Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah

		Min Kemudahan
N	Valid	201
	Missing	0
Mean		3.55
Median		4.00
Std. Deviation		.555

Analisis menunjukkan bahawa item penggunaan kemudahan dan peralatan direkodkan dengan kemas dan sistematik mencatatkan keputusan tertinggi dengan min sebanyak 3.61. Analisis ini dapat dilihat dalam Jadual 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Min setiap item dalam Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan di Sekolah

		Kemudahan & Peralatan yang cukup	Kemudahan dan peralatan 1M 1S diselenggara dengan baik *	**Penggunaan kemudahan dan peralatan direkodkan dengan kemas dan sistematik**	Stok peralatan 1M 1S dikemaskini mengikut jadual	Alatan yang rosak diasingkan dan dibaikpulih	Peralatan dan kemudahan yang ada tidak sesuai dengan perkembangan semasa bagi kegiatan kokurikulum 1M 1S *
N	Valid	201	201	**201**	201	201	201
	Missing	0	0	**0**	0	0	0
Mean		3.48	3.60	**3.61**	3.50	3.51	2.96
Std. Deviation		.872	.782	**.787**	.884	.867	.950

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

4.3.3 Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Soalan kajian yang ke tiga dijawab menggunakan statistik deskriptif. Berikut adalah hasil analisa; N = 201, M = 4.51, SD = 0.641. Secara keseluruhan tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S adalah tinggi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Tahap Kemahiran Guru

		Min Kemahiran
N	Valid	201
	Missing	0
Mean		4.51
Median		5.00
Std. Deviation		.641

Analisis menunjukkan bahawa item guru diberi kursus dan latihan tentang aktiviti kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi dengan min sebanyak 3.45. Analisis ini dapat dilihat dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7

Min setiap item dalam Tahap Kemahiran Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

		Pihak sekolah menghadapi masalah kekurangan guru yang berpengalaman dan boleh mengajar kokurikulum 1M 1S	Guru tidak / kurang faham strategi dan kaedah yang sesuai bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum 1M 1S	Guru disediakan modul untuk menjalankan kegiatan kokurikulum 1M 1S	**Guru diberi kursus dan latihan tentang aktiviti kokurikulum 1M 1S**	Sekolah mempunyai barisan guru sukan yang berkeboleh an
N	Valid	201	201	201	**201**	201
	Missing	0	0	0	**0**	0
Mean		2.65	2.87	3.44	**3.45**	3.50
Std. Deviation		1.187	1.021	.835	**.787**	1.073

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Soalan kajian yang kelima ini dijawab melalui penggunaan korelasi. Data telah dianalisis menggunakan statistik korelasi *Pearson Product Moment* untuk menentukan hubungan antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan positif sederhana yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut, r = .248, n = 201, p = 0.000. Ringkasan analisa ditunjukkan di dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8

Kolerasi antara Tahap Kebolehgunaan Kemudahan dan Peralatan Sukan dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum 1M 1S di Sekolah

		Min Kemudahan	Peratus Kehadiran
Min Kemudahan	Pearson Correlation	1	.248**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	201	201
Peratus Kehadiran	Pearson Correlation	.248**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	201	201

**. Korelasi adalah *signifikan pada aras 0.01* (*2*-hujung).

Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada p< .05. Ini bermakna kajian ini berjaya menolak hipotesis nul (Ho^1). Dapatan menunjukkan terdapat perkaiatan positif sederhana yang signifikan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Soalan kajian yang kelima ini dijawab melalui penggunaan korelasi. Data telah dianalisis menggunakan statistik korelasi *Pearson Product Moment* untuk menentukan hubungan antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan positif sempurna yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut, r = 1, n = 201, p = 0.000. Ringkasan analisa ditunjukkan di dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9

Kolerasi antara Tahap Kemahiran Guru dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum 1M 1S di Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun

		Min Kemudahan	Peratus Kehadiran
Min Kemahiran	Pearson Correlation	1	1.000**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	201	201
Peratus Kehadiran	Pearson Correlation	1.000**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	201	201

***. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).*

Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada p< .05. Ini bermakna kajian ini berjaya menolak hipotesis nul (Ho^2). Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan positif sempurna yang signifikan di antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Rumusan

Dapatan kajian akan menentukan faktor yang menyumbang kepada penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum 1M 1S di sekolah seterusnya dapat membantu meningkatkan kemajuan dalam bidang sukan berdasarkan dapatan data analisis (Verma, 2016). Bab 5 seterusnya akan menerangkan tentang perbincangan, cadangan dan kesimpulan daripada analisis data ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang perbincangan, cadangan dan kesimpulan tentang kajian ini yang bertujuan untuk mengukur tahap dan faktor penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Analisis data juga telah menjawab tahap kebolehgunaan peralatan sukan dan tahap kemahiran guru di sekolah. Di samping itu, analisis data juga telah mengesahkan secara empirikal perkaitan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan serta tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Profil Demografik Sampel

Daripada 89 buah sekolah Daerah Kuala Kangsar yang die-mel, didapati 22 buah sekolah tidak memberi maklumbalas (Lampiran E). Ini menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kecil sekolah yang tidak menggunakan e-mel dengan efektif sebagai alat komunikasi di sekolah. Walaubagaimanapun, 75.3% sekolah-sekolah di daerah ini menurut arahan dari pihak Pejabat Pelajaran Daerah serta menjadikan e-mel sebagai alatan perhubungan yang mudah dan cepat.

Analisis jantina mendapati jumlah yang tidak seimbang di antara guru lelaki dan guru perempuan. Responden yang terlibat terdiri daripada 86 orang guru lelaki (42.8%) dan 115 orang guru perempuan (57.2%). Ini menunjukkan lebih 50% responden adalah terdiri daripada guru perempuan. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan kajian demografik lain di mana ia menunjukkan golongan perempuan lebih ramai di dalam profesyen perguruan berbanding dengan golongan lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun

Dari aspek kelulusan tertinggi guru pula seramai seramai 141 orang (70%) guru memiliki ijazah sarjanamuda dan mencatatkan nilai tertinggi. Ini adalah kerana semua guru yang memiliki ijazah sarjanamuda sudah ditempatkan di sekolah rendah. Guru sekolah rendah yang belum memiliki ijazah sarjana muda pula telah mula melanjutkan pelajaran peringkat demi peringkat melalui program pensiswazahan guru bagi memenuhi hasrat KPM untuk memaksimumkan bilangan guru berijazah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Soalan Kajian

Berikut ialah perbincangan, cadangan dan kesimpulan terhadap kelima-lima soalan kajian berdasarkan analisis data di dalam bab 4.

5.3.1 Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Analisis mendapati tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi pada peratusan kehadiran antara 80% hingga 100% dengan jumlah kekerapan sebanyak 116 iaitu 57.7%. Dapatan ini selari dengan laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) yang menunjukkan kadar penyertaan dalam aktiviti kokurikulum adalah pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum seperti 1M 1S juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti amalan kumpulan pengurusan dan pelaksanaan yang terancang serta pemantauan dari pihak atasan. Dapatan ini selaras dengan kajian terkini (Noor Azzam Syah Mohamed & Suria Baba, 2016) yang menyatakan kepentingan pemantauan kehadiran guru dan pelajar bagi memastikan aktiviti kokurikulum dijalankan dengan terancang.

Dapatan juga konsisten dengan (Noor Azzam Syah Mohamed, 2016) yang mendapati tahap kefahaman kumpulan pelaksana pengurusan kokurikulum berdasarkan perancangan, pengelolaan, kepimpinan, pengawalan, pembangunan staf,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaporan, belanjawan dan juga perhubungan masyarakat luar berada pada tahap tinggi (96.4% responden). Ini dapat menghasilkan amalan pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang baik dan terancang (Al-Ansari et al., 2016) seterusnya dapat meningkatkan kehadiran murid dalam aktiviti.

5.3.2 Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah?

Berdasarkan analisis data, tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah adalah adalah tahap tinggi dengan hasil analisa; N = 201, M = 3.55, SD = 0.555. Dapatan juga menunjukkan penggunaan kemudahan dan peralatan direkodkan dengan kemas dan sistematik memberi bacaan tertinggi dengan min sebanyak 3.61. Pengurusan stok dan inventori kemudahan dan peralatan sukan di sekolah memberi pengaruh yang tinggi dalam kejayaan sesuatu aktiviti kokurikulum. Ia dapat menjamin ketahanan dan boleh mengelakkan peralatan disalah letak atau hilang.

Peruntukkan sumber kewangan yang stabil juga menyumbang kepada penyediaan kemudahan sukan (Wahab, 2010). Ini selari dengan hasrat kerajaan di dalam PPPM bagi meningkatkan taraf kemudahan dan peralatan keseluruhan sistem persekolahan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Secara keseluruhan tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S adalah pada tahap tinggi dengan hasil analisa; N = 201, M = 4.51, SD = 0.641. Analisis menunjukkan bahawa item guru diberi kursus dan latihan tentang aktiviti kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi dengan min sebanyak 3.45. Ini selaras dengan hasrat kerajaan di dalam PPPM bagi memanfaatkan peluang kecekapan, dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling penting seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Menurut (Wahab, 2010), sumbangan tenaga mahir mampu menggerakkan kemajuan dalam sukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Semua ini dapat dilaksanakan sekiranya guru-guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dalam apa juga bidang pengajaran dan pembelajaran. Untuk menguasai kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran ini, para guru seharusnya mempunyai latihan dalam bidang perguruan dan kursus yang perlu semasa dalam kerjaya (Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2006).

Kemahiran juga perlu dipupuk sejak guru pelatih dan menjadi tanggungjawab jurulatih atau pensyarah-pensyarah sukan di instituti pendidikan atau universiti membuat persediaan menyeluruh dan berkeyakinan tinggi, serta berusaha dalam memberikan kemahiran kepada guru pelatih (Wahab, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut, r = .248, n = 201, p = 0.000. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada p< .05. Ini bermakna kajian ini berjaya menolak hipotesis nul (Ho^1). Dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

Tidak dinafikan faktor kemudahan perlatan sukan di sekolah memberi impak yang besar terhadap disiplin kehadiran pelajar ke sesuatu aktiviti terutama yang melibatkan aktiviti sukan (Sulaiman, Shehu, & Hussaini, 2017). Masalah peralatan seperti rosak dan tidak mencukupi boleh mengakibatkan sesuatu aktiviti sukan sukar untuk dilaksanakan dan turut menjejaskan kejayaan sesuatu program dan aktiviti kokurikulum di sekolah (Noor Azzam Syah Mohamed & Suria Baba, 2016). Peralatan yang rosak juga boleh mengundang risiko kecederaan dalam kalangan pengguna. Ia juga secara tidak langsung melemahkan semangat pelajar untuk hadir dalam aktiviti (Hussain, 2010).

Dapatan ini turut menyokong kajian lepas yang dijalankan bagi sekolah menengah, prasekolah dan institut pengajian tinggi. Ini dapat dilihat dalam kajian mengukur penglibatan pelajar dalam kokurikulum di peringkat pengajian tinggi yang menggunakan item peralatan sukan dalam instrumen kajian (Mohd Zulfadli & Saifullizam Puteh, 2014). Kemudahan peralatan sukan turut mempunyai perkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kehadiran pelajar prasekolah (Olesen, Kristensen, Korsholm & Froberg, 2013) dan kehadiran pelajar sekolah menengah (Sulaiman et al., 2017).

Sehubungan dengan itu, adalah wajar pemimpin sekolah seperti guru besar atau pengetua memainkan peranan yang besar sebagai pengurus kokurikulum di sekolah (Anuar et al., 2011). Pengurus kokurikulum perlu sentiasa meningkatkan infrastruktur manakala guru dan pelajar perlu bersama-sama menjaga peralatan tersebut bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan aktif semua pihak (Sulaiman et al., 2017).

5.3.5 Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif sempurna yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut, r = 1, n = 201, p = 0.000. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada p< .05. Ini bermakna kajian ini berjaya menolak hipotesis nul (Ho^2). Dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan positif sempurna yang signifikan di antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah.

Kecemerlangan dalam bidang sukan sememangnya dapat menyumbang kepada pembangunan sosial dan masyarakat (Frisby, 2005). Untuk maju dalam bidang sukan keperluan tenaga mahir iaitu guru yang berkemahiran adalah menjadi faktor penting. Guru yang mempunyai kemahiran lebih bertindak proaktif seterusnya dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan minat dan tahap penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan (Som, 1990). Sebuah organisasi akan menjadi kuat dan mantap, dengan adanya jawatankuasa kokurikulum yang dianggotai oleh guru yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap yang berdedikasi (Noor Azzam Syah Mohamed & Suria Baba, 2016).

Pihak pengurusan juga perlu bertindak sebagai pengurus kokurikulum yang mantap dalam organisasi sekolah (Anuar et al., 2011). Pihak pengurusan seharusnya berkemahiran mentadbir, memimpin dan berusaha secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi guru penasihat supaya melaksanakan tugas dengan betul dan berkesan. Tugasan pihak pengurusan adalah seperti menyediakan spesifikasi tugas jawatankuasa dengan jelas, memupuk sikap saling memahami, meningkatkan saluran komunikasi berkesan di setiap peringkat tanggungjawab. Setiap program sukan yang hendak dijalankan perlu mengambil kira aspek kemahiran dan kepelbagaian dalam program-program sukan (Wahab, 2010).

Adalah jelas bahawa dapatan ini penting untuk menunjukan bahawa guru yang berkemahiran bukan sahaja dapat memberi perubahan yang signifikan terhadap kehadiran pelajar, malah ia juga dapat menjadi pemankin dalam meningkatkan kefahaman pelajar dalam apa juga mata pelajaran (Devadoss & Foltz, 1996). Guru berkemahiran ini mampu mengubah tingkah laku pelajar menjadi lebih baik (Khairul Anuar A. Rahman, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian yang dilaksanakan telah berjaya memenuhi lima objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Dapatan kajian yang utama adalah seperti berikut:

i. Kajian ini telah memberikan dapatan bahawa tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S mencatat keputusan tertinggi pada peratus kehadiran antara 80% hingga 100% dengan jumlah kekerapan sebanyak 116 iaitu 57.7%. Ini menunjukkan kepatuhan pihak sekolah dalam melaksanakan dasar 1M 1S yang telah digariskan oleh KPM seterusnya menyokong hasarat kerajaan bagi membangunkan pelajar secara holistik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ii. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan di sekolah adalah pada tahap tinggi dengan hasil analisa; N = 201, M = 3.55, SD = 0.555. Dapatan juga menunjukkan item penggunaan kemudahan dan peralatan direkodkan dengan kemas dan sistematik memberi bacaan tertinggi dengan min sebanyak 3.61. Dapatan ini selaras dengan hasrat KPM bagi melengkapkan prasarana di sekolah menjelang 2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Etika penggunaan dan pembelian peralatan sukan direkodkan secara berhemat terbukti dapat membantu meningkatkan jangka hayat sesebuah peralatan.

iii. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran guru yang menguruskan kegiatan kokurikulum 1M 1S adalah pada tahap tinggi dengan hasil analisa; N

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

= 201, M = 4.15, SD = 0.641. Analisis menunjukkan bahawa item guru diberi kursus dan latihan tentang aktiviti kokurikulum 1M 1S mencatatkan keputusan tertinggi dengan min sebanyak 3.45. Dapatan menunjukkan kepetuhan pihak sekolah dalam mengikuti latihan dalam perkhidmatan berterusan dalam kepimpinan dan kandungan mata pelajaran selaras dengan hasrat KPM bagi meningkatkan profesionalisme berterusan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

iv. Dapatan menunjukan bahawa terdapat perkaitan positif sederhana yang signifikan di antara tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dengan tahap penglibatan pelajar dala kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah, r = .248, n = 201, p = 0.000. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan boleh mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Hasil kajian ini bolah menjadi rujukan dan amalan menjaga peralatan dengan sistematik patut dibudayakan di sekolah masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

vi. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan positif sempurna yang signifikan di antara tahap kemahiran guru dengan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah, r = 1, n = 201, p = 0.000. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru boleh mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum 1M 1S di sekolah. Hasil kajian ini membuktikan bahawa guru sememangnya memberi pengaruh yang besar dalam mencorakkan kelakuan dan disiplin seseorang pelajar. Guru seharusnya mempunyai minat yang mendalam dalam melaksanakan setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amanah pengajaran dan pembelajaran agar hasrat melahirkan modal insan yang berpengetahuan, cekap dan berdaya saing dapat direalisasikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, kajian ini boleh diperluaskan agar lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu secara lebih khusus dan menyeluruh. Terdapat beberapa kajian yang telah dikenal pasti boleh dilakukan bagi mengembangkan lagi kajian ini iaitu kajian terhadap pentadbir-pentadbir kokurikulum sekolah rendah, peringkat menengah atau institusi pengajian tinggi dengan melihat apakah amalan yang dilakukan sebagai pengurus kokurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Selain itu kajian lanjutan boleh diteruskan ke atas pelajar bagi mendapatkan apakah faktor yang mendorong penglibatan mereka sendiri dalam sesuatu program yang dianjurkan di sekolah. Kajian juga boleh diteruskan di sekolah rendah, peringkat menengah atau institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan maklumat guru atau pengurus kokurikulum mengenai cara meningkatkan prestasi sukan di institusi masing-masing. Akhirnya kajian juga boleh dilakukan bagi melihat hubungan di antara kecemerlangan kokurikulum dengan kecemerlangan kurikulum di peringkat sekolah rendah, menengah atau institusi pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Penutup

Daripada perbincangan dan data dapat disimpulkan bahawa kadar penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bagi pelajar sekolah rendah di Daerah Kuala Kangsar adalah pada tahap yang tinggi. Tahap kebolehgunaan kemudahan dan peralatan sukan dan tahap kemahiran guru menunjukkan ia berada pada tahap tinggi. Dapatan telah menunjukan bahawa kedua-dua tahap kebolahgunaan kemudahan dan peralatan sukan dan tahap kemahiran guru dapat mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam program 1M 1S. Kajian tentang pengurusan kokurikulum ini sangat bermakna kepada pihak pentadbir dan guru sebagai rujukan dan boleh diamalkan di sekolah masing-masing. Amalan seperti pengrekodan peralatan secara sistematik dan peningkatan kemahiran guru patau diambil berat bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam sesebuah progran yang dianjurkan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab Alim Abdul Rahim. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor: Oxford fajar Sdn. Bhd.

Ahmad Esa, Kamarudin Khalid & Sarebah Warman. (2014). Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. In *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC)*. Batu Pahat, Johor: http://eprints.uthm.edu.my.

Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan : Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, *31*, 3–19. https://doi.org/10.1187/cbe.12-03-0033

Al-Ansari, A., Al-Harbi, F., AbdelAziz, W., AbdelSalam, M., El Tantawi, M. M., & ElRefae, I. (2016). Factors affecting student participation in extra-curricular activities: A comparison between two Middle Eastern dental schools. *Saudi Dental Journal*, *28*(1), 36–43. https://doi.org/10.1016/j.sdentj.2015.05.004

Anuar, Rahman & Azman. (2011). Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum di Sekolah Menengah Daerah Mersing. *Journal of Educational Management*, *1*(March), 14-30.

Astin, A. (1984). Student involvement : A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Personnel*, *25*, 297–308. https://doi.org/10.1016/0263-

Bordage, G. (2009). Conceptual frameworks to illuminate and magnify. *Medical Education*, *43*(4), 312–319. https://doi.org/10.1111/j.1365-2923.2009.03295.x

Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (Edisi Kedu). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, quantitative, And Mixed Methods Approaches: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). London: SAGE

Devadoss, S., & Foltz, J. (1996). Evaluation of Factors Influencing Student Class Attendance and Performance. *American Jurnal of Agricultural Economics*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

78(3), 499-507. http://doi.org/10.2307/1243268

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur.

Elias Talib. (2000). *Keberkesanan Pengurusan Sukan di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Perlis*. Universiti Utara Malaysia.

Fauziah Mohd. Sarjan, Fatimah Mohd. Sarjan, Siti Mizarina Ghazali & Mohd Noor Hashim. (2010). Penglibatan Guru Secara Aktif Meningkatkan Penyertaan Pelajar Menerusi Penilaian 10 Peratus Markah Kokurikulum Melalui Persatuan Kemahiran Hidup: Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Datin Onn Jaafar, Batu Pahat, Johor, 379–395.

Frisby, W. (2005). The Good , the Bad , and the Ugly : Critical Sport Management Research. *Journal of Sport Management*, *19*(1), 1–12. https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1123/jsm.19.1.1

Harvey, C., & Stanton, N. A. (2016). *Usability Evaluation for In-Vehicle Systems*. CRC Press.

Hussain, M. R. (2010). Akauntabiliti pengurusan sukan dan kokurikulum, 1–12.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah*. Putrajaya: Bahagian Sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S)*. Putrajaya: Bahagian Sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012a). *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (Edisi keti). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

